

SET A



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR
Malaysia France Institute**

**FINAL EXAMINATION
JANUARY 2014 SESSION**

SUBJECT CODE : MPU 3113
SUBJECT TITLE : HUBUNGAN ETNIK
LEVEL : BACHELOR
TIME / DURATION : (2 HOURS)
DATE :

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
 2. This question paper is printed on both sides of the paper.
 3. Please write your answers on the answer booklet provided.
 4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
 5. This question paper consists of ONE (1) section. Section A. Answer all questions in Section A.
-

THERE ARE 19 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 60 markah)**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan. HITAMKAN jawapan yang betul.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Perlembagaan Persekutuan mengandungi
 - A. 13 Bahagian, 138 Perkara dan 15 Jadual.
 - B. 13 Bahagian, 183 Perkara dan 15 Jadual.
 - C. 15 Bahagian, 138 Perkara dan 13 Jadual.
 - D. 15 Bahagian, 183 Perkara dan 13 Jadual.
2. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai perlembagaan **kecuali**
 - A. menjadi sumber kepada undang-undang dalam sesebuah negara.
 - B. undang-undang dasar yang menjadi teras panduan pemerintahan negara.
 - C. dokumen undang-undang yang terpisah daripada sejarah sesuatu negara.
 - D. mengawal pemerintah dan yang diperintah dalam mempertahankan kewujudan dan kesinambungan negara.
3. Pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak boleh dilakukan melalui;
 - I. perkenan Majlis Raja-Raja.
 - II. perkenan Yang di-Pertuan Agong.
 - III. sokongan dua pertiga setiap dewan Parlimen.
 - IV. persetujuan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak.

A. I dan III.	C. I, II dan III.
B. II dan III.	D. II, III dan IV.
4. Berikut adalah implikasi yang berlaku terhadap undang-undang persekutuan dan negeri yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.
 - A. Masih boleh diisyiharkan sebagai sah jika dipersetujui oleh Jemaah Menteri.
 - B. Masih boleh diisyiharkan sebagai sah jika diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.
 - C. Terbatal dan boleh diisyiharkan sebagai tidak sah oleh mahkamah setakat mana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.
 - D. Terbatal dan boleh diisyiharkan sebagai tidak sah oleh Parlimen setakat mana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

5. Mengapakah orang Melayu menentang pemberian kerakyatan melalui prinsip *jus soli* oleh Perlembagaan Malayan Union?
- Menyebabkan orang Melayu hilang hak kerakyatan.
 - Menyebabkan orang Melayu sukar memperolehi hak kerakyatan.
 - Menyebabkan kaum-kaum lain diberikan hak kerakyatan yang sama dengan mudah.
 - Menyebabkan orang Melayu dan bukan Melayu sukar memperolehi taraf kerakyatan berbanding penduduk Tanah Melayu yang berketurunan Eropah.
6. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Menggantikan Malayan Union.
 - Wilayahnya meliputi wilayah yang dicadangkan bagi Malayan Union.
 - Mendapat persetujuan dan sokongan Parti Perikatan dan Raja-raja Melayu.
 - Kerajaan pusat berkuasa dalam semua perkara penting secara menyeluruh, tetapi pada masa yang sama autonomi negeri-negeri dikekalkan.
- | | |
|---------------|-------------------|
| A. II dan III | C. I, II dan IV. |
| B. II dan IV. | D. I, III dan IV. |
7. Bagaimanakah Pilihan Raya Umum 1955 mengukuhkan perpaduan dan hubungan antara etnik?
- MCA dan MIC menyerahkan keputusan pembahagian kerusi kepada budi bicara UMNO.
 - UMNO tidak menuntut 90 peratus kerusi yang sepatutnya berhak diperolehinya berdasarkan kekuatan mengundi.
 - MCA dan MIC tidak membantah jumlah agihan kerusi yang tidak memihak kepada mereka berdasarkan kekuatan mengundi.
 - UMNO, MCA dan MIC bersetuju untuk membahagikan kerusi secara sama rata di antara mereka tanpa mengambil kira peratusan pengundi mengikut kaum.

8. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Suruhanjaya Reid.
- I. Anggotanya dipilih oleh British sendiri tanpa melibatkan rakyat Tanah Melayu.
 - II. Keahliannya terdiri daripada wakil Britain, Australia, Pakistan, Kanada dan India.
 - III. Telah meminta cadangan dan pandangan bukan sahaja parti politik, tetapi juga orang ramai, individu dan Raja-raja Melayu.
 - IV. Ditubuhkan untuk menyediakan Kertas Putih bagi menyemak, meneliti dan meminda cadangan perlembagaan yang dikemukakan oleh Parti Perikatan dan Raja-raja Melayu.
- A. I dan III.
 - B. II dan III.
 - C. I, III dan IV.
 - D. II, III dan IV.
9. Mengapakah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dianggap sebagai suatu kontrak sosial?
- A. Orang Melayu dan bukan Melayu bersetuju untuk saling tidak mempertikaikan hak kewarganegaraan di antara satu sama lain.
 - B. Orang bukan Melayu diberikan hak kewarganegaraan yang longgar berdasarkan prinsip jus soli yang tidak boleh dipertikaikan oleh orang Melayu.
 - C. Kedudukan agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu serta kedudukan Raja-raja Melayu dikekalkan dalam perlembagaan dan tidak boleh dipertikaikan oleh orang bukan Melayu.
 - D. Orang bukan Melayu diberikan hak kewarganegaraan yang longgar berdasarkan prinsip jus soli dan kedudukan agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu serta kedudukan Raja-raja Melayu dikekalkan.
10. Berikut adalah salah satu kepentingan unsur-unsur tradisi yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.
- A. Mempertahankan kekuatan dan dominasi politik golongan bumiputera.
 - B. Mengekalkan sejarah dan kesinambungan bangsa serta menstabilkan sistem politik negara.
 - C. Menunjukkan kelebihan sesuatu kaum terutamanya golongan peribumi ke atas kaum-kaum yang lain.
 - D. Memastikan ciri dan nilai budaya kaum yang merupakan penduduk asal negara dihormati oleh kaum-kaum yang lain.

14. Pilih peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan Bahasa Kebangsaan.
- I. Tidak dapat dipinda oleh Parlimen jika tidak mendapat sokongan dua pertiga setiap dewan dan perkenan Majlis Raja-Raja.
 - II. Hal-hal yang berhubung dengan Bahasa Melayu, walaupun dalam keadaan darurat adalah dilindungi oleh perlembagaan.
 - III. Antara perkara sensitif yang dilarang daripada dibahaskan di tempat terbuka atas tujuan keselamatan dan ketenteraman awam.
 - IV. Melarang pengajaran dan penggunaan bahasa-bahasa lain sama ada bagi maksud rasmi atau sebaliknya melainkan dengan kebenaran pihak kerajaan.
- A. I dan IV.
 - B. II dan III.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.
15. Perkara berikut termasuk ke dalam perlindungan yang diberikan kepada orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak melalui Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan.
- A. Tanah rizab Melayu.
 - B. Tanah adat dan tanah pegangan orang Melayu.
 - C. Perizaban bilangan permit dan lesen perniagaan.
 - D. Kemasukan untuk perkhidmatan Rejimen Askar Melayu di-Raja.
16. Pilih implikasi sistem residen terhadap kedudukan dan kuasa sultan.
- I. Kedudukan sultan dalam aspek pentadbiran semakin terhakis.
 - II. Sultan dipaksa menerima residen untuk memberi nasihat pentadbiran kepada baginda.
 - III. Sultan masih berjaya mempertahankan kuasa dalam soal pungutan cukai daripada campur tangan residen.
 - IV. Sultan tidak lagi berkuasa dalam soal agama Islam dan hal ehwal berkaitan dengan adat resam orang Melayu.
- A. I dan II.
 - B. II dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.

17. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai usaha British dalam menguasai negeri-negeri Melayu **kecuali**
- memperluaskan sistem residen ke Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor.
 - termeterainya Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 menandakan bermulanya era campur tangan British.
 - berjaya memperolehi Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu melalui Perjanjian Bangkok pada tahun 1909.
 - menggabungkan negeri-negeri yang menerima sistem residen dalam satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896.
18. MCA yang dipimpin oleh Tan Cheng Lock dibentuk dengan tujuan untuk
- menyertai gabungan PUTERA-AMCJA bagi menentang Malayan Union.
 - melindungi kepentingan sosial, ekonomi, politik dan budaya masyarakat Cina.
 - bekerjasama dengan MIC bagi melindungi kepentingan golongan imigran di Tanah Melayu.
 - mewakili kepentingan kaum Cina dalam Jawatankuasa Kerja bagi menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
19. Mengapakah parti-parti politik di Malaysia, walaupun bergerak di atas landasan perkauman, mengambil pendekatan bermuafakat sehingga membentuk gabungan politik?
- Mengelakkan tekanan daripada parti politik yang didominasi oleh kaum dominan.
 - Mengawal tuntutan politik kaum minoriti agar tidak menggugat kepentingan kaum dominan.
 - Menyelamatkan kaum minoriti daripada menjadi mangsa penindasan politik kaum dominan.
 - Menyedari bahawa tidak mungkin bagi satu-satu kaum mendominasi kuasa dan memerintah di negara ini.

20. Pilih kepentingan demokrasi permuafakatan dalam konteks di Malaysia.
- I. Mewujudkan kestabilan politik.
 - II. Mengkalkan kekuatan dan dominasi kuasa politik pada kaum dominan.
 - III. Memastikan kaum minoriti menerima pemerintahan dan pentadbiran kaum dominan.
 - IV. Membolehkan parti politik yang mewakili pelbagai etnik dapat bekerjasama untuk menjalankan pentadbiran negara dan membawa pembangunan.
- A. I dan IV.
 - B. II dan III.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.
21. Berikut adalah sebab Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) pimpinan Dato' Onn Jaafar tewas dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952.
- A. IMP gagal mendapat sokongan British.
 - B. IMP gagal dalam rundingan politik untuk bekerjasama dengan UMNO.
 - C. MCA dan MIC membatalkan persetujuan untuk bekerjasama dengan IMP pada saat-saat akhir menjelang pilihan raya.
 - D. Konsep parti multietnik tidak dapat diterima oleh masyarakat majmuk ketika itu kerana masing-masing yakin bahawa kepentingan etnik perlu lebih dahulu diperjuangkan.
22. Pilih kesan peristiwa 13 Mei 1969 terhadap pemupukan hubungan etnik secara formal dalam politik.
- I. Parti Perikatan ditukarkan namanya kepada Barisan Nasional pada tahun 1974.
 - II. Parti Perikatan telah bertambah besar dengan penyertaan Gerakan pada tahun 1972.
 - III. PAS menolak ajakan kerajaan untuk menyertai gabungan Perikatan pada tahun 1972 dan kemudiannya Barisan Nasional pada tahun 1974.
 - IV. Kerjasama pelbagai etnik telah diperkuuhkan melalui kewujudan Barisan Nasional agar setiap kelompok etnik diwakili dalam keputusan politik di peringkat tertinggi negara.
- A. II dan III.
 - B. II dan IV.
 - C. I, II dan IV.
 - D. I, III dan IV.

23. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai aspek demografi dan politik di Malaysia **kecuali**
- bilangan pengundi merupakan faktor penting dalam politik dan pilihan raya.
 - aspek demografi mempunyai pengaruh yang kuat terhadap proses pilihan raya.
 - jumlah ahli dalam parti politik dan jumlah pengundi di sesuatu kawasan turut mempengaruhi kemenangan parti di sesuatu kawasan.
 - komposisi dan pola taburan penduduk di sesuatu kawasan pada amnya tidak menentukan parti yang mewakili kawasan berkenaan.
24. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai analisis keputusan pilihan raya umum ke-12 pada 8 Mac 2008.
- Kawasan pengundi bercampur tidak lagi menjadi kubu kuat BN.
 - Sokongan terhadap BN adalah rendah bagi kawasan yang didominasi etnik Cina.
 - Sokongan terhadap pembangkang bukan mengikut parti, sebaliknya lebih berdasarkan garis etnik.
 - Kawasan yang terdiri daripada majoriti etnik Melayu tetap merupakan kubu kuat BN khususnya di Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis.
- | | |
|----------------|--------------------|
| A. I dan II. | C. I, II dan IV. |
| B. II dan III. | D. II, III dan IV. |
25. Pilih trend dan corak pengundian yang berlaku dalam Pilihan Raya Umum ke-12 pada 8 Mac 2008.
- Pola pengundian masih lagi berdasarkan etnik dan agama.
 - Pengundi memilih sesuatu parti atau calon merentasi garis perjuangan perkauman.
 - Unsur politik bertunjangkan perkauman amat berkesan dalam menarik sokongan penyokong dan pengundi.
 - Pengundi lebih berminat dengan isu tadbir urus yang baik, ketelusan akauntabiliti, kebebasan bersuara dan keadilan.
- | | |
|---------------|--------------------|
| A. I dan II. | C. I, II dan III. |
| B. II dan IV. | D. II, III dan IV. |

26. Bagaimanakah agama dan etnik telah menjadi identiti kelompok yang saling melengkapi di Malaysia?
- Mereka yang bertukar agama dianggap telah keluar daripada kelompok etnik.
 - Sesebuah agama mungkin menjadi anutan kepada lebih daripada satu kelompok etnik.
 - Setiap anggota mana-mana kelompok etnik bebas memilih mana-mana agama untuk dianuti.
 - Pertukaran agama merupakan satu fenomena biasa yang diterima secara positif oleh semua kelompok etnik.
27. Definisi agama dari sudut substantif melihat agama dari segi
- bentuk dan amalannya.
 - asal usul kewujudannya.
 - tujuan kewujudannya.
 - perkembangan kewujudannya.
28. Faktor utama yang menentukan agama seseorang manusia adalah
- warisan kebudayaannya.
 - pengaruh rakan sebayanya.
 - persekitaran di sekelilingnya.
 - pertimbangan logik dan rasional fikirannya.
29. Kepercayaan bahawa agama mengharapkan penganutnya bekerja kuat, melabur, menabung dan menunjukkan inisiatif perniagaan oleh mereka yang berpegang kepada etika Protestan memperlihatkan peranan agama sebagai
- faktor penyatuan.
 - sumber nilai moral.
 - faktor pertumbuhan nasionalisme.
 - pendorong atau pengesahan program pembangunan.
30. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai agama Buddha di Malaysia.
- Majoriti penganut Buddha terdiri daripada etnik Cina.
 - Agama ketiga terbesar di Malaysia selepas Islam dan Kristian.
 - Penganut Buddha daripada kalangan etnik Cina berpegang kepada mazhab Buddha Mahayana.
 - Komuniti Thai yang kebanyakannya tinggal di utara Semenanjung Malaysia mengamalkan Buddha Theravada.
- I dan III.
 - II dan IV.
 - I, III dan IV.
 - II, III dan IV.

31. Semua perkara berikut adalah benar mengenai agama Hindu di Malaysia **kecuali**
- Deepavali merupakan perayaan utama penganut Hindu di Malaysia.
 - kuil Murugan yang terletak di Batu Caves merupakan pusat ibadat yang paling besar dan terkenal bagi penganut Hindu di Malaysia.
 - pada masa perayaan Thaipusam, para penganut agama Hindu menunaikan pelbagai nazar kepada tuhan Brahma, Vishnu dan Siva.
 - kesan kehadiran awal agama Hindu di Malaysia dapat dibuktikan dengan penemuan kesan binaan Hindu lama di Lembah Bujang, Kedah.
32. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai agama Kristian.
- Kitab suci Kristian iaitu Bible mengandungi Kitab Perjanjian Lama atau Bible Ibrani dan Perjanjian Baru.
 - Eukaris adalah upacara yang berlangsung dalam gereja untuk meraikan kemasukan seseorang dalam Kristian.
 - Pemimpin gereja yang paling berkuasa ialah Bishop Rom, yang dinamakan Paus di Barat dan Patriach di Constantinople di Timur.
 - Pada asalnya merupakan mazhab daripada kepercayaan Yahudi yang menerima Jesus daripada Nazareth sebagai messiah atau kristus.
- | | |
|----------------|-------------------|
| A. II dan III. | C. I, II dan III. |
| B. II dan IV. | D. I, III dan IV. |
33. Mengapakah konflik agama masih dapat dilihat berlaku di banyak negara?
- Kepelbagaiam amalan, upacara dan perayaan agama yang berbeza
 - Wujudnya pelbagai tafsiran yang berbeza dalam memahami ajaran agama.
 - Ajaran sebahagian besar agama secara umumnya menganjurkan kebencian dan permusuhan terhadap penganut agama yang berbeza.
 - Komitmen dan kesungguhan dalam melaksanakan tuntutan agama yang ditunjukkan oleh sebahagian penganut agama yang tertentu.

34. Pilih cara membina ikatan sosial yang kuat di antara anggota masyarakat yang berbeza agama anutannya.
- Menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana alam tanpa mengira agama.
 - Saling berinteraksi antara jiran yang berlainan agama dengan menghormati sensitiviti keagamaannya.
 - Meraikan bersama-sama perayaan kebudayaan yang dikongsi bersama oleh para penganut agama yang berbeza.
 - Para penganut agama yang berbeza berusaha untuk berkongsi upacara ritual keagamaan sebanyak yang mungkin bagi meningkatkan toleransi beragama.
- I dan II.
 - III dan IV.
 - I, II dan III.
 - II, III dan IV.
35. Bagaimakah kebebasan beragama yang diperuntukkan oleh perlumbagaan boleh mengukuhkan hubungan antara etnik di Malaysia?
- Setiap individu diberikan kebebasan penuh untuk bertukar agama mengikut pilihan masing-masing.
 - Semua agama diberikan kebebasan menyebarkan ajaran masing-masing dalam kalangan penganut mana-mana agama.
 - Setiap upacara keagamaan boleh dilaksanakan tanpa sebarang halangan, namun secara tertutup bagi menghormati sensitiviti agama lain.
 - Semua agama diberikan ruang yang secukupnya untuk menikmati pengamalan agama masing-masing dalam suasana yang harmoni.
36. Bagaimakah segregasi dilaksanakan oleh kuasa penjajah British di Tanah Melayu?
- Penguatkuasaan undang-undang yang menghalang pencampuran di antara orang Melayu, Cina dan India.
 - Menghalang penglibatan semua penduduk Tanah Melayu yang bukan berketurunan Eropah dalam sektor ekonomi moden.
 - Memisahkan kumpulan-kumpulan etnik di Tanah Melayu melalui sistem persekolahan dan penerbitan akhbar mengikut bahasa ibunda masing-masing.
 - Menyekat perkembangan sistem pendidikan vernakular berdasarkan bahasa ibunda dengan mewujudkan sistem persekolahan satu aliran dengan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

37. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai perlaksanaan proses integrasi dalam konteks di Malaysia **kecuali**
- dipupuk menerusi integrasi politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, pendidikan dan di peringkat wilayah.
 - proses penyesuaian bersama pelbagai kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang dapat diterima oleh semua kelompok etnik.
 - proses mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan etnik yang terpisah dari segi budaya, agama, sosial dan kawasan penempatan.
 - identiti dan budaya kumpulan etnik minoriti dihapuskan supaya dapat diserap masuk ke dalam identiti dan budaya kumpulan etnik dominan.
38. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai konflik yang berlaku dalam masyarakat.
- Boleh berlaku disebabkan gejala sosial yang berleluasa.
 - Tidak berpunca daripada faktor kemiskinan dan keterpinggiran.
 - Berpunca dipada prasangka, diskriminasi, rasisme dan etnosentrisme.
 - Bukan sahaja berlaku disebabkan perbezaan budaya dan agama semata-mata.
- | | |
|----------------|-------------------|
| A. I dan IV. | C. I, II dan III. |
| B. II dan III. | D. I, III dan IV. |
39. Bagaimanakah Malaysia berjaya mewujudkan keharmonian dalam kalangan etnik yang pelbagai?
- Hasil usaha dan inisiatif badan bukan kerajaan (NGO).
 - Hasil usaha rakyat sendiri tanpa sokongan mana-mana pihak lain.
 - Hasil kerjasama pihak swasta dengan rakyat tanpa campur tangan kerajaan.
 - Hasil usaha pihak kerajaan dan disokong oleh pihak swasta, NGO dan rakyat sendiri.

40. Pilih tujuan konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.
- I. Memupuk hubungan etnik yang harmoni.
 - II. Menyamatarafkan semua agama dan hak serta keistimewaan semua etnik di Malaysia.
 - III. Memperkuatkan hubungan dan kerjasama antara rakyat pelbagai etnik di Malaysia.
 - IV. Melahirkan bangsa Malaysia yang lebih berdaya tahan dalam menghadapi pelbagai cabaran yang dibawa arus globalisasi.
- A. II dan III.
 - B. II dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. I, III dan IV.
41. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional **kecuali**
- A. bertanggungjawab memupuk dan memelihara perpaduan antara etnik di Malaysia.
 - B. diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
 - C. ditubuhkan sebagai usaha untuk memulihkan hubungan antara kaum kesan daripada peristiwa 13 Mei 1969.
 - D. merancang pelbagai usaha untuk mempertingkatkan integrasi nasional melalui Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional.
42. Manakah antara perkara berikut termasuk ke dalam usaha pihak kerajaan memupuk dan mempertingkatkan lagi perpaduan melalui strategi persefahaman politik?
- A. Menyekat penubuhan parti-parti politik baru terutamanya yang berasaskan kaum dan agama.
 - B. Melarang penggunaan nama agama pada parti politik dan NGO bagi mengelakkan salah guna agama untuk kepentingan politik.
 - C. Mewujudkan kerajaan campuran yang kuat hasil gabungan politik parti pemerintah dengan pihak pembangkang.
 - D. Mewujudkan langkah keselamatan dan undang-undang untuk mengawal dan mencegah pertubuhan yang memperjuangkan kepentingan sesuatu kaum daripada melakukan kegiatan yang menjadikan keharmonian antara kaum.

43. Usaha pihak kerajaan untuk mengurangkan ketegangan hubungan antara etnik melalui strategi keseimbangan ekonomi dijalankan melalui cara
- mengurangkan penguasaan ekuiti korporat golongan bukan bumiputera.
 - menghadkan peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara.
 - memastikan kekuatan dan dominasi ekonomi berada pada tangan orang Melayu dan golongan bumiputera yang lain.
 - mengimbangkan kedudukan sosioekonomi antara etnik dan antara wilayah serta mengurangkan pengenalan etnik berdasarkan kegiatan ekonomi.
44. Pilih langkah yang diambil bagi memupuk dan mempertingkatkan lagi perpaduan melalui strategi kebudayaan.
- Mewujudkan kebudayaan nasional yang menjadi milik bersama rakyat Malaysia.
 - Menerima unsur-unsur kebudayaan selain daripada kebudayaan rakyat asal rantau ini yang sesuai dan wajar.
 - Melarang pengamalan kebudayaan sukuan yang tidak menjadi sebahagian daripada kebudayaan kebangsaan.
 - Menolak mana-mana agama sebagai unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan untuk menghormati sensitiviti para penganut agama yang lain.
- | | |
|----------------|--------------------|
| A. I dan II. | C. I, III dan IV. |
| B. II dan III. | D. II, III dan IV. |
45. Peranan berikut boleh dimainkan oleh NGO untuk mempercepatkan proses hubungan etnik di Malaysia.
- Mengengahkan diskriminasi yang dilakukan oleh kumpulan etnik dominan ke atas kumpulan etnik minoriti ke peringkat antarabangsa.
 - Mengadakan dialog dan seminar dalam usaha memahami permasalahan yang timbul dalam masyarakat dan mencari jalan penyelesaiannya.
 - Mengkritik secara terbuka apa sahaja yang tindakan yang dilihat sebagai suatu bentuk diskriminasi ke atas mana-mana kumpulan etnik dan agama.
 - Melakukan kerjasama dengan pertubuhan hak asasi antarabangsa untuk memperjuangkan persamaan semua kumpulan etnik dan agama di Malaysia.

46. Berikut adalah peranan pendidikan dalam proses pembinaan negara bangsa.
- A. Asas penyatuan pelbagai komuniti etnik .
 - B. Mendaulatkan bahasa ibunda kaum penduduk asal.
 - C. Mempertahankan nilai dan ciri budaya semua kumpulan etnik daripada pupus.
 - D. Mempercepatkan perlaksanaan proses asimilasi bagi mewujudkan kesatuan sosial dan budaya yang sama.
47. Pilih identiti sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia yang berbeza dengan negara luar seperti Perancis, Amerika Syarikat, Indonesia dan Thailand.
- I. Berkongsi kurikulum pengajian yang sama.
 - II. Terdiri daripada satu aliran sahaja, iaitu Sekolah Kebangsaan.
 - III. Sistem pendidikan yang berorientasikan komuniti etnik tertentu.
 - IV. Menggunakan satu bahasa pengantar sahaja, iaitu Bahasa Kebangsaan.
- | | |
|---------------|--------------------|
| A. I dan III. | C. I, II dan III. |
| B. II dan IV. | D. II, III dan IV. |
48. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai pendidikan komuniti Melayu semasa tempoh penjajahan British **kecuali**
- A. sekolah pondok dibiayai oleh individu tertentu dan sekolah vernakular Melayu didirikan oleh kerajaan Inggeris.
 - B. lulusan sekolah vernakular Melayu telah diterima secara meluas untuk berkhidmat dalam pentadbiran British.
 - C. pada peringkat awal, dua bentuk sekolah dibina, iaitu sekolah pondok serta madrasah dan sekolah vernakular Melayu.
 - D. kelayakan lepasan sekolah vernakular Melayu lebih rendah berbanding dengan mereka yang berkelulusan sekolah Inggeris.

49. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai pendidikan komuniti Cina semasa tempoh penjajahan British.
- I. Menyediakan pelajaran di peringkat sekolah rendah sahaja.
 - II. Ditubuhkan dengan pembiayaan penuh daripada kerajaan kolonial British.
 - III. Bertujuan mengekalkan identiti komuniti Cina di Tanah Melayu agar tidak terpisah dengan negara asal .
 - IV. Menerapkan nilai-nilai kecinaan seperti bahasa Cina dikekalkan sebagai bahasa pengantar, sukanan pelajaran, guru dan buku teks adalah berdasarkan negara China.
- A. I dan II.
 - B. III dan IV.
 - C. I, III dan IV.
 - D. II, III dan IV.
50. Pilih kaedah yang diusulkan untuk mencapai perpaduan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum yang ditubuhkan pada Januri 1949 dalam bidang pendidikan.
- I. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris wajib diajar di sekolah rendah.
 - II. Sekolah kebangsaan akan ditubuhkan bagi menyatukan komuniti etnik yang berbeza.
 - III. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa perantaraan di sekolah kebangsaan.
 - IV. Bahasa ibunda masing-masing tidak diajar di sekolah, namun boleh dipelajari di luar waktu persekolahan melalui kelas-kelas persendirian.
- A. II dan III.
 - B. II dan IV.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.
51. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai Akta Pendidikan 1961 **kecuali**
- A. menyeragamkan sistem pendidikan dan persekolahan.
 - B. memberi penekanan terhadap pendidikan teknik dan vokasional.
 - C. bahasa kebangsaan diperlakukan bukan setakat di peringkat sekolah rendah, tetapi juga di peringkat menengah.
 - D. memastikan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar secara menyeluruh dalam semua kursus pengajian di peringkat universiti.

52. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai pendidikan di peringkat sekolah rendah?
- Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di Sekolah Kebangsaan.
 - Sekolah Jenis Kebangsaan tidak dibiayai oleh kerajaan seperti Sekolah Kebangsaan.
 - Sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan sama seperti di Sekolah Kebangsaan.
 - Kemasukan ke Sekolah Jenis Kebangsaan hanya terbuka untuk pelajar daripada etnik Cina dan India sahaja.
53. Berikut adalah konsep Sekolah Wawasan yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan.
- Sekolah rendah yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar.
 - Sekolah rendah yang menempatkan dua atau tiga buah sekolah rendah berlainan aliran dalam kawasan yang sama.
 - Sekolah rendah yang menawarkan kelas-kelas bahasa Cina dan juga Tamil kepada para pelajar Melayu dan bumiputera yang lain.
 - Sekolah rendah yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dengan kurikulum pengajian sekolah antarabangsa.
54. Kesan positif sistem kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berasaskan meritokrasi terhadap aspek hubungan etnik adalah
- membolehkan kouta kemasukan pelajar Melayu dan bumiputera ke IPTA dikurangkan.
 - membolehkan para pelajar bersaing secara sihat dan tiada etnik yang akan mempertikaikan kemasukan etnik lain ke IPTA.
 - memperbanyak lagi pertumbuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta untuk menampung pelajar Melayu dan bumiputera yang gagal memasuki IPTA.
 - menghapuskan diskriminasi ke atas pelajar bukan Melayu yang sebelum ini dihalang memasuki IPTA walaupun memenuhi kelayakan minimum yang disyaratkan.

55. Pilih komitmen yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk mengukuhkan kesepaduan sosial melalui aspek pendidikan.
- I. Menarik balik kuasa menteri untuk menutup Sekolah Jenis Kebangsaan yang terdapat dalam Akta Pelajaran 1961.
 - II. Memperkenalkan kelas-kelas Bahasa Cina atau Tamil kepada pelajar yang majoritinya Melayu di sekolah aliran kebangsaan.
 - III. Membuka ruang kouta kepada pelajar bukan Melayu untuk memasuki Sekolah Berasrama Penuh dan Maktab Rendah Sains MARA.
 - IV. Memberi kebenaran kepada Sekolah Jenis Kebangsaan untuk menawarkan Bahasa Kebangsaan sebagai subjek elektif, tidak lagi sebagai subjek wajib.
- A. I dan IV.
 - B. II dan III.
 - C. I, II dan III.
 - D. II, III dan IV.
56. Bagaimanakah pengalaman harian dalam aspek makanan boleh memupuk kesepaduan sosial?
- A. Penguatkuasakan peraturan halal ke atas semua pengusaha restoran tanpa mengira latar belakang etnik dan agama.
 - B. Pengambilan jenis makanan popular etnik lain yang diterima dan diolah dalam kebudayaan sendiri.
 - C. Bersikap lebih terbuka dan fleksibel dalam pemilihan makanan etnik lain tanpa terlalu terikat dengan peraturan agama yang ketat.
 - D. Pemilihan restoran yang dimiliki oleh pengusaha yang mempunyai persamaan etnik dan agama dengan pelanggan bagi memastikan sensitiviti etnik dan agama dalam aspek makanan dihormati.
57. Contoh makanan yang termasuk dalam ruang bukan awam adalah
- A. jamuan yang diadakan sempena sambutan hari lahir.
 - B. daging yang disembelih dan dimasak dalam majlis aqiqah.
 - C. juadah yang disediakan dalam majlis perkahwinan etnik Melayu.
 - D. kuih-muih yang dihidangkan dalam jamuan rumah terbuka hari raya.

58. Kesepaduan sosial dalam aspek keseniaan hanya boleh dipupuk sekiranya setiap kumpulan etnik
- menerima, menghormati dan mengiktiraf kepelbagaiannya corak seni yang dihasilkan oleh etnik lain.
 - menganggap corak seni warisannya adalah yang paling baik berbanding dengan kumpulan etnik yang lain.
 - menyaangi corak seni warisan kumpulan etnik yang lain untuk mengelakkan berlakunya kepupusan ciri-ciri etnik.
 - mempertahankan corak seni warisannya yang menjadi identiti etniknya daripada dipelajari oleh individu daripada kumpulan etnik yang lain.
59. Pengarah filem berikut merupakan salah seorang daripada enam rakyat negeri Perak yang telah diberikan anugerah Ikon 1Malaysia sempena sambutan dan perasmian 1Malaysia di Perak kerana kejayaannya membawa kehidupan rakyat Malaysia yang sebenar menerusi layar perak.
- Yasmin Ahmad.
 - Chuah Thean Teng.
 - Sam Karuna.
 - Mohamad Nor Khalid (Lat).
60. Berikut adalah dasar bekerja yang betul bagi media dalam proses membina kesepaduan sosial.
- Memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pemberitaan sebarang laporan.
 - Memberi ruang yang luas kepada perbincangan isu-isu sensitif secara terbuka atas dasar kebebasan bersuara.
 - Memastikan rakyat diberikan peluang untuk meluahkan perasaan tidak puas hati mereka kepada mana-mana pihak tanpa sebarang sekatan.
 - Menyampaikan isu yang emotif dan provokatif untuk menguji dan melatih rakyat agar lebih terbuka dan matang dalam menghadapi konflik sosial yang timbul.

KERTAS SOALAN TAMAT